

**Wanita Umno Tingkatkan Kegiatan Skuad Sayang Bela Nasib Rakyat - Shahrizat Bernama**  
**13 September, 2012**

KUALA KANGSAR, 13 Sept (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno melalui 220,000 anggota Skuad Sayang menggembeng tenaga mempergiat aktiviti berorientasi perkhidmatan terutama di kawasan pedalaman bagi membantu rakyat yang memerlukan pembelaan.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata selepas tiga tahun Skuad Sayang itu bergerak aktif, beliau berpuas hati dengan pencapaian anggotanya yang berkhidmat tanpa mengira musim.

"Kami Wanita Umno dan Barisan Nasional (BN) akan terus bekerja, politik kita adalah politik untuk membela rakyat, kita tidak berminat retorik, berslogan dan membuat gimik. Wanita Umno akan meningkatkan tradisi kita memberi perkhidmatan untuk rakyat," katanya kepada pemberita pada program pendampingan sosial Salam Sayang di Kampung Sayong Lembah di sini, Khamis.

Beliau berkata Skuad Sayang kini berada di semua 222 kawasan Parlimen dan 505 Dewan Undangan Negeri seluruh negara dengan meneruskan tradisi melawat rumah ke rumah untuk mendapatkan maklum balas mengenai rakyat yang memerlukan pembelaan.

Perjuangan Wanita Umno dan BN dalam kerja harian bukan untuk perkara negatif dan tidak bertanggungjawab, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694543>